

Klimahim Abdul Hamid
dan Anisul Aki
ampl@nere.com.my

Pelukan

Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) menitikuskan kesetiaan kepada program pendidikan kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga ekosistem kawasan sekitar Tasik Chini selain memelihara dan memulihara semula hutan tasik itu.

Meskipun banyak dakwaan mengatakan Tasik Chini bakal kering dan hilang menjelang 2030, PPTC yang ditubuhkan sekumpulan penyelidik dari Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tetap mempertahankan tasik itu sebagai warisan semula jadi Pahang.

Ketua Penyelidik Prof Daruk Seri Dr Mustrifah Idris berkata, selain penyelidikan bersepadu, pelbagai disiplin termasuk flora, fauna, kualiti air dan masyarakat turut dijalankan.

Katanya, ia bertujuan mengetengahkan program berasaskan pengetahuan terbuka untuk orang luar.

"Kami sangat mengalu-alukan sesiapa yang mahu ke sini untuk menyelidik mengenai kepelbagaian biologi serta merasai sendiri pengalaman tinggal di Tasik Chini."

"Selain itu, ada kawasan diberikan jolokan ekopelancongan apabila pelancong boleh menikmati persekitaran semula jadi sambil memulihara semula hutan dengan penanaman pokok," katanya.

Menurut beliau, PPTC juga sentiasa menjaga hubungan baik Orang Asli kaum Jakun di situ yang terjalih sejak permulaan penebuan PPTC pada 2004 bagi mengumpul maklumat untuk aktiviti penyelidikan serta menjalankan program termasuk aktiviti kerusahawanan serta ekopelancongan.



PERTAHANAN WARISAN SEMULA JADI

■ PPTC fokus program didik masyarakat jaga ekosistem kawasan sekitar Tasik Chini

Katanya, kompleks penyelidikan di PPTC diumpamakan 'makmal hidup' oleh penyelidik kerana dibina di kawasan yang mempunyai kekayaan sumber bio pelbagai.

"Makmal itu dirubuhkan khusus untuk menjalankan penyelidikan, pengajaran, kerja lapangan, kesedaran alam sekitar dan penyebaran maklumat mengenai penguasaan tasik bersepadu kepada masyarakat."

"Selain makmal, PPTC turut dilengkapi kemudahan penginapan bertempat di kompleks pengurusan Chini 2 yang merangkumi pengi-

napan asas bilik loteng, ka-bin untuk penyelidik dan pelajar, bot, surau, ruang serba guna dan makmal lapangan," katanya.

Menurutnya, sejak 2004 PPTC menjalankan inventori data asal kawasan tadahan tasik berkenaan bertujuan memastikan pemuliharaan di kawasan itu terjamin seperti yang tertulis di dalam akta-akta pemuliharaan.

"Di sini kajian PPTC berperanan penting dan memastikan semua aktiviti dilaksanakan dengan mesra alam bermula aktiviti perancangan sehingga ak-

tiviti pembangunan.

"PPTC juga memodelkan bangunan yang memulihara pokok berharga untuk pendidikan generasi akan datang serta menyentuh dan melihatnya," katanya.

"Kami alu-alukan sesiapa yang mahu rasai pengalaman tinggal di Tasik Chini Dr Mustrifah"



INFO

■ Tasik Chini kaya dengan biodiversiti termasuk 51 spesies tumbuhan jenis hutan rendah, 15 spesies tumbuhan jenis hutan paya air tawar, 25 spesies tumbuhan akuatik dan 87 spesies ikan air tawar

■ Selain mitos naga, tasik ini juga terkenal dengan legenda tamadun Khmer yang dikatakan tenggelam di situ

■ Kerajaan Pahang memperuntukkan tanah seluas lapan hektar di pekarangan Tasik Chini untuk dijadikan tapak pembangunan kompleks PPTC

■ PPTC mempunyai tiga makmal utama iaitu Makmal Analisis Air, Makmal Mikrobiologi dan Instrumentasi, serta Makmal Iktim dan Hidrologi

■ PPTC dibangunkan menggunakan konsep mesra alam dengan mengambil kira binaan bercirikan hijau dan tidak memusnahkan pokok yang tua dan tinggi

Pembangunan Tasik Chini patuhi undang-undang

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sentiasa meningkatkan kerjasama dengan kerajaan negeri Pahang untuk memastikan sebarang perancangan membangunkan kawasan di sekitar Tasik Chini mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada.

Menterinya Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, sebarang aktiviti yang dirancang di Tasik Chini dilakukan secara insaf dan tidak bercanggah de-

ngan sosio budaya serta memastikan alam sekitar diuruskan secara berkekalan.

Menurut beliau, asas saintifik digunakan untuk pengurusan, pendidikan dan penyelidikan bagi memulihara serta mengguna sumber asli secara mampan.

"Antara perancangan pembangunan itu adalah

pelaksanaan Pelan Pemuliharaan Tasik Chini Sebagai Warisan Alam Dan Ruzab Biosfera Rancangan Malaysia Ke-10 bermula pada tahun 2009 hingga 2015.

"Pelan itu merangkumi pemantauan kualiti air tasik, pengukuhan tebing dan pemuliharaan ex-situ tumbuhan dijalankan jabatan Per-

hutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia.

"Selain itu, FRIM juga giat

menjalankan penyelidikan pembungaan dan kemendutian pokok bunga teratai yang menjadi ikon utama di Tasik Chini sekali gus menggalakan pertumbuhannya di Tasik Chini," katanya.

Menurut Wan Junaidi, NRE juga melaksanakan operasi penguatkuasaan yang dikenali sebagai Op Chini secara kerjasama bersepadu dengan pihak berkuasa berkenaan bagi mencegah aktiviti penceroiban dan pengambilan khazanah biodiversiti negara di Tasik Chini.